Pada penghujung 2013, terdapat sepuluh ribu buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara telah dilengkapi akses Internet 4G dan persekitaran pembelajaran maya atau turut dikenali sebagai Virtual Learning Environment (VLE) (Zurina Hamid & Sanitah Mohd Yusof (2014). Dengan ini, jalur lebar 4G dan pakej aplikasi pembelajaran maya (Frog VLE) telah menjadi platform dalam mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses PdP (Nor Zaira, Zolkefli & Mohd Kasri, 2016). Ciri serta sifat VLE yang pelbagai serta dinamik, sememangnya, mampu menjadi platform utama dalam melaksanakan pendekatan Pembelajaran Teradun (Huang, Ma, & Zhangm, 2008). Seterusnya Cimermanová (2013), menyatakan pengaplikasian platform persekitaran maya (VLE) dan interaksi bersemuka dalam bilik darjah dinilai sebagai satu strategi instruksional yang berkesan dan diyakini dalam menjayakan pembelajaran teradun di persekitaran sekolah. Pengaplikasian Frog VLE sebagai medium utama pembelajaran di dalam bilik darjah membolehkan pengintegrasian teknologi web (ICT) dan penerimaan pembelajaran teradun dalam PdP. Oleh yang demikian, pembelajaran secara atas talian dengan menggunakan platform Frog VLE telah tersedia di semua sekolah bagi menjayakan konsep pembelajaran teradun.

Kepelbagaiannya kaedah dan penggunaan teknologi dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran mampu merangsang penerimaan murid secara positif terhadap proses pembelajaran yang dilaksanakan dan dijangka mampu menyumbang kepada pencapaian hasil pembelajaran yang ditentukan (Abdul Latif & Lajiman, 2011).

Meskipun, pendekatan pembelajaran teradun dengan menggunakan platform Frog



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi










 VLE terbukti mampu membawa perubahan dan meningkatkan hasil pembelajaran (Kalaiselvi & Balamuralithara, 2017). Namun begitu hasil Laporan Ketua Audit Negara Siri 3 tahun 2013 terhadap penggunaan VLE Frog berdasarkan bilangan sekolah-sekolah seluruh negara yang login ke VLE Frog adalah rendah iaitu antara 19.5% hingga 33.5% buah sekolah sahaja (Kementerian Kewangan Malaysia, 2013). Oleh yang demikian, sebagai salah satu sumber tenaga yang sama-sama bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar KPM, GPP seharusnya bersedia menggunakan Frog VLE dalam proses PdP, memandangkan mereka telah didedahkan dengan persekitaran pembelajaran secara atas talian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), iaitu MyGuru.

1.2.3 Pembelajaran Abad 21

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah menetapkan matlamat memanfaatkan penggunaan ICT dalam PdP (KPM, 2013). Pelaksanaan pengajaran tersebut adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang merupakan penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21 seperti dihasratkan KPM mulai tahun 2014. Dalam memperkuatkkan generasi murid hari ini untuk menghadapi dan menangani cabaran-cabaran baru terutama tuntutan-tuntutan sebagai “knowledge worker” dalam era revolusi informasi abad ke-21 terletak di tangan dan bahu seluruh kaum guru dan GPP juga perlu memainkan peranan.

 05-4506832  pustaka.unsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi
 Pembelajaran abad ke-21 ini bukanlah sesuatu yang perkara yang baru dalam sistem pendidikan tetapi merupakan inovasi pendidikan secara tradisional dengan persekitaran pembelajaran yang baru serta menggunakan pendekatan teknologi dalam pdp. Inovasi dalam pendekatan pedagogi pembelajaran diperlukan untuk menghasilkan generasi kini mampu menguasai pelbagai kemahiran dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Dalam menghadapi cabaran ini, terdapat beberapa agenda dalam melaksanakan pembelajaran abad 21, dan antaranya adalah pembelajaran berteraskan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kemahiran metakognitif, literasi era digital (*digital-age Literacy*), pemikiran inventif (*Inventive Thinking*), komunikasi efektif (*effective communication*), dan produktiviti tinggi (*high productivity*) (Nurul Nashrah, Noor Hasimah, Nur Aida, 2015).

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi
 Pembelajaran abad 21 sangat mencabar kerana bidang ini mempunyai tanggungjawab dalam melaksanakan dasar peningkatan penggunaan ICT dalam PdP yang bersesuaian dengan perubahan ICT (Nur Wahida, Mohd Mokhtar, Mohd Hanaf, 2017). Hal ini demikian kerana, penggunaan ICT dalam PdP mampu memberi kesan yang besar ke atas anjakan perubahan sistem dan pengurusan pendidikan. Pengaplikasian ICT dalam PdP adalah penting dalam menjana dan memperkembangkan idea dan kreativiti murid (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017; Joseph & Wan Rozali, 2013). Perkembangan inovasi dalam pendidikan seperti pembelajaran teradun memerlukan anjakan pendidikan dan profesion keguruan. Di UPSI, GPP telah didedahkan dengan kemahiran abad ke-21 berdasarkan kepada keperluan murid abad ke-21.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2.4 Kursus Latihan Mengajar

Kursus latihan mengajar adalah kursus yang wajib diambil oleh mahasiswa ijazah sarjana muda pendidikan. Kursus ini adalah untuk memberi persediaan awal kepada GPP sebelum menjadi seorang guru. Di UPSI kursus ini wajib diambil oleh semua mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil program ijazah sarjana muda pendidikan semasa mereka semester 7. Kursus latihan mengajar menyediakan peluang kepada GPP untuk mengaplikasi ilmu dalam konteks pengajaran sebenar di sekolah selama 16 minggu. GPP akan diselia oleh seorang pensyarah dan guru pembimbing yang telah dilantik. Semasa tempoh latihan mengajar, GPP perlu melaksanakan pengajaran dalam kelas, terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum dan segala aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kursus latihan mengajar adalah penting kepada GPP kerana melalui kursus ini GPP dapat a) mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran pengajaran pembelajaran mata pelajaran major dan minor dalam konteks sebenar, b) menyusun atur perlakuan selaras dengan perancangan pengajaran pembelajaran mata pelajaran major dan minor, c) mengorganisasi perancangan pengajaran pembelajaran mata pelajaran major dan minor yang dilaksanakan dan d) berkebolehan mengenal pasti masalah dalam pelaksanaan pengajaran pembelajaran mata pelajaran major dan minor, serta mencari penyelesaian alternatif.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



1.2.5 Kursus Pedagogi Teknologi Dan Penaksiran (KPD 3016 dan 3026)

Sebelum menjalani latihan mengajar, GPP UPSI diwajibkan untuk mengambil subjek Pedagogi Teknologi Dan Penaksiran 1 (KPD 3016) pada semester lima dan juga Pedagogi Teknologi Dan Penaksiran 2 (KPD 6026) pada semester enam. Kedua-dua kursus ini adalah sangat penting dan dapat membimbing GPP untuk membina kemahiran dalam merancang pengajaran. Melalui subjek KPD 3016, GPP dapat merancang pengajaran dalam lima aspek utama iaitu, (a) menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran, (b) memilih dan menyusun kandungan dan bahan pengajaran (c) memilih pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, (d) menyedia alat dan teknologi yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran, (e) menyedia, memilih dan menggunakan alat dan kaedah penilaian yang sesuai untuk menaksir dan menilai hasil pembelajaran. Bukan itu sahaja, kursus ini juga membolehkan GPP memperoleh kemahiran menyedia set rancangan pelajaran dalam sesuatu topik dalam mata pelajaran pengkhususan mereka. Rasional daripada kursus ini menjadikan GPP mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dapat menjadikan mereka guru yang profesional seperti mana yang dihasratkan oleh negara dan masyarakat kelak.

Seterusnya, pada semester 6 pula, GPP diwajibkan pula untuk mengambil kursus Pedagogi Teknologi Dan Penaksiran 2 (KPD 6026). Hal ini dapat dilihat, kursus ini adalah merupakan lanjutan daripada kursus KPD 3016. Kursus ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi kemahiran GPP untuk merancang dan melaksanakan pengajaran melalui pembentangan mikro dan makro pengajaran dalam aspek utama pengajaran seperti a) mengatakan hasil pembelajaran, b) memilih dan



merancang bahan dan urutan pengajaran, c) memilih dan melaksana kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, d) menyedia dan menggunakan media dan teknologi pengajaran yang sesuai dan e) menyedia, memilih dan mengguna alat dan kaedah penaksiran yang sesuai untuk menilai hasil pembelajaran dalam mata pelajaran pegkhususan mereka. Bukan itu sahaja, melalui kursus ini GPP didedahkan kepada prosedur dan kaedah tindakan serta penulisan proposal.

1.3 Permasalahan Kajian

Penggunaan teknologi dalam PdP pada masa kini telah menjadi satu perkara yang penting. Guru bukan sahaja harus cekap dalam pedagogi tetapi juga tahu bagaimana untuk menggunakan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Hosseini dan Kamal (2013) dalam Khairah @ Asma'a, Saedah dan Muhammad Faizal (2017), menunjukkan bahawa GPP masih lagi kurang berpengetahuan dalam menggunakan teknologi untuk tujuan pengajaran walaupun pelbagai program pendidikan telah disediakan untuk melengkapkan guru dengan pengetahuan menggunakan teknologi secara berkesan dalam pengajaran. GPP hari ini ialah golongan muda yang sudah serasi dengan dunia maklumat di hujung jari dalam kehidupan seharian, dan dilihat sebagai pelapis guru yang mampu mengadaptasikan ICT dalam PdP (Sami Sahin, 2012).

Kemahiran pedagogi adalah suatu ilmu yang sangat penting yang perlu dikuasai oleh semua GPP agar dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan. GPP haruslah memainkan peranan penting dalam melaksanakan kepelbagaiannya kaedah

Meskipun, pada tahun 1998, pedagogi bestari telah diperkenalkan seiring dengan sekolah dan kelas bestari yang telah membawa pendekatan kepada pengajaran yang lebih berpusatkan murid (Abdullah Ibrahim, 2010). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zaidatun, Norah, Jamaluddin dan Nurul Syazwani (2008), dalam Khairah @ Asma'a Baharun, Saedah Siraj & Muhammad Faizal (2017), GPP di institusi pendidikan di Malaysia masih memerlukan kaedah pengajaran berpusatkan guru yang pasti bertentangan dengan pembelajaran berpusatkan pelajar yang menekankan pendekatan kolaboratif.

Dalam mencapai matlamat abad 21, guru seharusnya mempunyai keinovatifan dan bersedia menerima dan mengaplikasikan sesuatu inovasi yang diperkenalkan oleh KPM. Pengaplikasian inovasi pembelajaran teradun dengan menggunakan platform Frog VLE dalam proses PdP banyak memberi manfaat kepada murid khususnya. Namun, berdasarkan Laporan Audit Negara 2013 dalam kajian Siaw Nyuk dan Agatha Francis (2015) menyatakan penggunaan Frog VLE dalam PdP guru di sekolah Malaysia adalah kurang daripada 5%. Bukan itu sahaja, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mahizer Hamzah dan Mohd Azli (2016), penggunaan Frog VLE dalam kalangan guru di sekolah adalah di tahap yang rendah. Hal ini dapat dilihat, tahap penggunaan diukur melalui bilangan log masuk ke platform Frog VLE. Perkara ini jelas menunjukkan penerimaan inovasi dalam PdP adalah di tahap yang rendah dalam kalangan guru di sekolah. Oleh yang demikian, adakah GPP mempunyai tahap keinovatifan yang tinggi dalam menerima inovasi dan perubahan yang dibawa oleh KPM dalam PdP mereka?

Perkembangan Teknologi membolehkan pengintegrasian pembelajaran teradun dalam PdP. Frog VLE adalah merupakan satu platform atau BBM yang sesuai untuk diaplikasikan dalam melaksanakan pembelajaran teradun di persekitaran sekolah. Hal ini dapat dilihat, Frog VLE adalah merupakan satu platform pembelajaran secara atas talian yang berdasarkan web telah direka untuk menyokong guru-guru dalam mengurus proses pembelajaran murid. Meskipun begitu, efikasi kendiri atau kepercayaan diri guru dalam menggunakan Frog VLE dalam proses PdP adalah yang rendah (Hasliza, Siti Munira, Mohd Nasri dan Zarina, 2017). Jika di universiti GPP telah didedahkan dengan platform *Learning Content Management System* (LCMS) iaitu MyGuru yang merupakan platform pembelajaran atas talian. Meskipun GPP telah menggunakan platform MyGuru di universiti, adakah GPP mempunyai tahap efikasi kendiri komputer yang tinggi untuk mengaplikasikan platform Frog VLE dalam persekitaran pembelajaran teradun dalam PdP mereka semasa menjalani latihan mengajar ?

Berdasarkan anjakan 7 PPPM 2013-2025, penggunaan ICT perlu dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Penggunaan ICT perlu dimaksimumkan untuk pembelajaran kadar kendiri dan pembelajaran jarak jauh, dan perkara ini dapat memperluaskan akses kepada pembelajaran yang berkualiti (KPM, 2013). Oleh yang demikian, penggunaan ICT membolehkan pelajar dapat belajar mengikut kadar kendiri, dan guru hanya bertindak sebagai pemudah cara dan bukan lagi sebagai pembekal kandungan mata pelajaran secara langsung. Sejajar dengan PPPM 2013-2025 ini, strategi pembelajaran teradun dengan mengintegrasikan ICT dalam dilihat bersesuaian untuk dilaksanakan dipersekitaran sekolah.

05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptupsi
 Berdasarkan penyataan masalah tersebut, persoalannya adakah GPP ini mempunyai tahap kemahiran teknologi dan pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer yang tinggi dan mempunyai pengetahuan pembelajaran teradun dalam menerima serta menggaplikasikan inovasi pembelajaran teradun ini di sekolah?

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap penerimaan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP. Selain itu, kajian ini juga untuk mengetahui tahap kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer dan pengetahuan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP.

Seterusnya, kajian ini juga adalah untuk melihat sejauhmana kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer dan pengetahuan terhadap pendekatan pembelajaran teradun dalam menyumbang kepada penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP semasa mereka menjalani latihan mengajar di sekolah yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dijalankan adalah untuk melihat amalan pengajaran dalam kalangan GPP di dalam bilik darjah sebenar setelah teori dan kemahiran telah didedahkan selama 6 semester di UPSI.



Objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

- 1) mengetahui tahap kesediaan dari aspek kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, dan pengetahuan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP.
- 2) mengetahui tahap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP.
- 3) menentukan sejauhmanakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, dan pengetahuan pembelajaran teradun dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.
- 4) menentukan jumlah sumbangan bagi kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer dan pengetahuan pembelajaran teradun terhadap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.



1.6

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1) mengetahui tahap kesediaan dari aspek kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, dan pengetahuan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP.

- i. Apakah tahap kemahiran teknologi dalam kalangan GPP?
- ii. Apakah tahap kemahiran pedagogi dalam kalangan GPP?
- iii. Apakah tahap keinovatifan individu dalam kalangan GPP?
- iv. Apakah tahap efikasi kendiri komputer dalam kalangan GPP?
- v. Apakah tahap pengetahuan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

2. Apakah tahap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP?

3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, dan pengetahuan pembelajaran teradun dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP?

- i. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran teknologi dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran pedagogi, dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP?

iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara keinovatifan individu, dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP?

iv. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi kendiri komputer, dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP?

v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pembelajaran teradun dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun PdP?

4. Sejauhmanakah jumlah sumbangan bagi kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer dan pengetahuan pembelajaran teradun terhadap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP?

1.7

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1. Ha₁ Terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran teknologi dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.
2. Ha₂ Terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran pedagogi dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.
3. Ha₃ Terdapat hubungan yang signifikan antara keinovatifan individu dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.
4. Ha₄ Terdapat hubungan yang signifikan antara Efikasi kendiri komputer dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.
5. Ha₅ Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan pembelajaran teradun dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.
6. Ha₆ Terdapat sumbangan bagi aspek kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer dan pengetahuan pembelajaran teradun terhadap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kerangka konseptual dapat digambarkan seperti dalam Rajah 1.1. Rajah tersebut menunjukkan penerimaan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP yang dapat diterangkan oleh lima aspek pemboleh ubah tidak bersandar iaitu (1) kemahiran teknologi, (2) kemahiran pedagogi, (3) keinovatifan individu, (4) efikasi kendiri komputer serta (5) pengetahuan pembelajaran teradun. Pembolehubah bersandar ialah penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP. Kerangka konseptual yang diilustrasi menunjukkan terdapat hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji meliputi kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, serta pengetahuan terhadap pembelajaran teradun dengan penerimaan pembelajaran teradun dalam PdP GPP.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian penerimaan pembelajaran teradun Diubah suai daripada gabungan Model TIP (Roblyer, 2013) dan LoTi (Moersch, 1995)

1.9

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Berikut adalah faktor-faktor yang mempengaruhi limitasi kajian iaitu:

- i. Kajian ini hanya tertumpu kepada mahasiswa UPSI daripada semester 7 yang sedang menjalani latihan mengajar bagi semester 1 sesi 2017/2018 yang terdiri daripada pelbagai program pengajian, umur dan jantina. Sampel kajian adalah tidak melibatkan mahasiswa UPSI yang lain.
- ii. Kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah menggunakan instrumen soal selidik kerana melibatkan sampel yang banyak dan laporan yang disediakan adalah lebih bersifat kepada laporan kendiri (*self report*). Kaedah pengutipan data adalah tidak melibatkan kaedah pemerhatian dan sebagainya.

1.10 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan ini hanya tertumpu kepada GPP yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). GPP ini adalah daripada kalangan murid semester tujuh yang menjalani latihan mengajar bagi semester 1 sesi 2017/2018 di sekolah yang telah ditetapkan oleh Pulat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) UPSI. Kajian ini dijalankan kepada 320 orang GPP untuk melihat sejauhmana penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP mereka semasa menjalani latihan mengajar.

1.9

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.11 Kepentingan Kajian

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Daripada dapatan kajian ini dapat mengetahui hubungan faktor-faktor seperti kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, serta pengetahuan pembelajaran teradun dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP. Maklum balas dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat yang berguna kepada pihak Universiti, KPM dan kepada sekolah untuk memberi persediaan yang lebih kepada GPP dalam mengaplikasikan pembelajaran teradun dengan menggunakan Platform Frog VLE dalam PdP di sekolah.

Pembelajaran teradun adalah merupakan pembelajaran yang dilaksanakan secara konvensional dan secara atas talian adalah merupakan pendekatan pembelajaran yang diyakini banyak memberi kelebihan kepada hasil pelajar. Pembelajaran teradun adalah merupakan pendekatan yang penting dan memerlukan sokongan serta usaha yang bersungguh-sungguh di antara pihak universiti, pentadbir sekolah, guru, dan pihak berkaitan. Penglibatan universiti, pentadbir sekolah serta sokongan dan sumbangannya pihak berkaitan dalam membina polisi, pelan pembangunan ICT dan sokongan terhadap program pembangunan staf adalah menjadi teras utama dalam memantapkan penggunaan ICT dalam PdP di dalam kelas. Pihak sekolah haruskan memainkan peranan penting dalam menerima dan mengaplikasikan penggunaan ICT dalam PdP.

Hasil dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk menyemak semula program latihan bagi GPP yang melibatkan kemahiran menggunakan teknologi agar selari dengan keperluan PdP di sekolah. Keberkesanan program-program ICT yang disediakan dan faktor-faktor yang dikaji boleh dimanipulasi bagi meningkatkan penerimaan pembelajaran teradun dalam PdP di sekolah.

1.12 Definisi Operasional

Bahagian ini membincangkan tentang beberapa definisi bagi beberapa jenis boleh ubah yang terdapat dalam kajian ini. Definisi operational merujuk kepada konsep-konsep yang diguna pakai dalam kajian ini serta diberikan definisi yang relevan dengan kajian tersebut.

1.12.1 Penerimaan

Dari segi bahasa, penerimaan membawa maksud perihal atau perbuatan yang menerima (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Dalam kajian ini penerimaan merujuk kepada sejauhmana GPP menerima dan melaksanakan pembelajaran teradun dengan menggunakan platform Frog VLE dan bahan ICT secara sukarela berdasarkan kepada pertimbangan kepercayaan dan keyakinan diri boleh melaksanakan dalam PdP di sekolah semasa menjalani latihan mengajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.12.2 Pembelajaran teradun

Proses pembelajaran yang dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah dengan mengintegrasikan penggunaan ICT, secara langsung telah menghasilkan persekitaran pembelajaran teradun. Secara umumnya, pembelajaran teradun yang dimaksudkan adalah pembelajaran yang dijalankan dengan gabungan pembelajaran bersemuka dan proses pembelajaran atas talian (Inoue, 2010). Dalam kajian ini pembelajaran teradun merujuk kepada pembelajaran yang dijalankan oleh guru secara konvensional iaitu pembelajaran yang dijalankan bersemuka di dalam bilik darjah dan pembelajaran secara atas talian iaitu tidak bersemuka yang dilaksanakan di rumah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pembelajaran teradun adalah merupakan satu kaedah pembelajaran yang menggabungkan dua kaedah pembelajaran utama iaitu pembelajaran secara bersemuka dan pembelajaran secara atas talian (Kristin Kipp, 2013). Dalam kajian ini pembelajaran teradun merujuk kepada pembelajaran yang dijalankan oleh guru secara konvensional di dalam bilik darjah dan secara atas talian dengan menggunakan platform Frog VLE sebagai alat dan bahan untuk pembelajaran murid semasa dalam bilik darjah dan di rumah untuk persediaan pembelajaran keesokan hari dan juga tugas tambahan sebagai pengukuhan dan pengayaan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.12.4 Guru Pra Perkhidmatan

Guru pra perkhidmatan merujuk kepada bakal guru, yang mana merupakan pelajar yang berdaftar dalam program penyediaan guru dan akan bekerja ke arah pensijilan guru (Goulette & Swanson, 2017). Dalam kajian ini GPP adalah merujuk kepada bakal guru yang merupakan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). GPP ini adalah merupakan mahasiswa dan mahasiswi yang menjalani latihan mengajar bagi semester 1 sesi 2017/2018 di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan oleh pihak pusat latihan mengajar dan industri (PuLaMI) UPSI. Kajian ini dijalankan untuk melihat penerimaan GPP untuk mengaplikasikan pendekatan pembelajaran teradun dan proses PdP di sekolah yang mereka menjalani latihan mengajar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.12.5 Kemahiran Teknologi

Dari segi bahasa, kemahiran membawa maksud kecekapan atau kepandaian terhadap apa yang telah dipelajari (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2006). Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, kemahiran merujuk kepada kemahiran GPP dalam menggunakan teknologi dalam proses PdP. Antara kemahiran guru yang dikaji ialah kemahiran guru dalam penggunaan Microsoft office untuk menyediakan bahan pembelajaran, penggunaan media sosial untuk berinteraksi dengan murid di rumah, penggunaan rangkaian internet untuk mencari bahan pembelajaran dan sebagainya. Kemahiran-kemahiran ini perlu bagi memastikan GPP dapat mengaplikasikan pembelajaran teradun dalam PdP di sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Menurut Robert (1997) dalam Johari Hassan & Aslinda (2010), pedagogi adalah merupakan perkaitan dengan apa objektif pengajaran guru dengan pembelajaran yang akan diperoleh oleh pelajar. Kemahiran pedagogi adalah merupakan kemahiran yang sangat penting dan merupakan perkara yang mesti dikuasai oleh golongan pendidik bergelar guru. Hal ini demikian kerana, penguasaan dalam kemahiran pedagogi dalam kalangan guru dapat membantu dan seterusnya menjadikan proses PdP berlangsung dengan terancang dan teratur. Dalam konteks kajian yang dijalankan ini, kemahiran pedagogi merujuk kepada kemahiran pedagogi yang dikuasai oleh GPP setelah mereka didedahkan dengan pelbagai kemahiran, pendekatan, strategi dan teknik dalam pengajaran selama 6 semester di UPSI, dalam PdP semasa mereka menjalani

1.12.7 Keinovatifan Individu

Inovasi adalah perkara yang dianggap baru oleh seseorang individu dan keinovatifan individu merujuk kepada sejauhmana individu menerima sesuatu inovasi yang diperkenalkan berbanding orang lain (Rogers, 1995). Dalam konteks kajian ini, keinovatifan individu merujuk kepada seawal mana GPP bersedia menerima dan mengaplikasikan inovasi pembelajaran teradun dengan menggunakan platfrom Frog VLE dalam PdP mereka semasa menjalani latihan mengajar di sekolah secara sukarela.

Efikasi kendiri adalah merupakan kepercayaan dan keupayaan seseorang untuk melaksanakan dan mengorganisasi sesuatu perkara yang dikehendaki untuk menangani pelbagai keadaan (Bandura, 1995). Pencapaian dan motivasi seseorang adalah merupakan prinsip asas kepada teori efikasi kendiri yang dapat menentukan kepercayaan dan keyakinan diri seseorang. Dalam konteks kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat sejauhmana tahap efikasi kendiri komputer dalam kalangan GPP. Hal ini dapat dilihat, sejauh mana keyakinan GPP dalam menggunakan Frog VLE dan bahan ICT yang lain untuk proses pengajaran mereka di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah semasa menjalani latihan mengajar.

1.12.9 Pengetahuan Pembelajaran Teradun

Pengetahuan menurut Thomas dan Prusak (1998) adalah merupakan suatu gabungan daripada pengalaman dan dapat menghubungkan pengalaman-pengalaman baru. Dalam konteks kajian yang dijalankan, pengetahuan terhadap pembelajaran teradun adalah merujuk kepada sejauh mana pengetahuan GPP berkaitan konsep pembelajaran teradun. Pengetahuan pembelajaran teradun juga merujuk kepada pengetahuan dan kefahaman GPP bagaimana pembelajaran teradun boleh dilaksanakan dalam persekitaran pembelajaran di sekolah.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.13 Kesimpulan Bab 1

Secara ringkasnya, bab 1 ini menerangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, limitasi kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan juga definisi operasional. Terdapat empat objektif kajian telah dikemukakan yang mana objektif kajian ini dijadikan sebagai garis panduan dalam perlaksanaan projek ini agar dapat berjalan mengikut yang telah ditetapkan. Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP. Seterusnya, untuk mengenalpasti tahap kesediaan dari aspek kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, dan pengetahuan pembelajaran teradun dalam kalangan GPP. Selain itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan antara kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer, dan pengetahuan pembelajaran teradun dengan penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP. Akhir sekali adalah untuk menentukan jumlah sumbangan bagi kemahiran teknologi, kemahiran pedagogi, keinovatifan individu, efikasi kendiri komputer dan pengetahuan pembelajaran teradun terhadap penerimaan pendekatan pembelajaran teradun dalam PdP.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi